

06/09/1998

Pemuda Umno akur keputusan MT

SHAH ALAM: Pergerakan Pemuda Umno akur dengan tindakan Majlis Tertinggi (MT) Umno memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai ahli Umno.

Ketua penerangannya, Datuk Abdul Fatah Iskandar berkata, sehubungan itu Pemuda Umno meminta semua ahlinya bertenang dengan keputusan itu.

Beliau berkata, MT mempunyai alasan munasabah sebelum mengambil tindakan berkenaan.

Di KUALA TERENGGANU, Pemuda Umno Negeri Terengganu menyokong penuh tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memecat bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno.

Ketuanya, Abdul Rahin Mohd Said, berkata pemuda Terengganu memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada Dr Mahathir dan insaf tindakan yang dilakukan oleh Perdana Menteri berasaskan kepada maklumat yang tidak diketahui oleh ahli parti.

Bercakap kepada pemberita di sini petang ini pergerakan itu dukacita terhadap Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Zahid Hamidi, yang tidak menjelaskan kedudukan pergerakan itu mengenai isu berkenaan.

"Kami juga amat dukacita terhadap Anwar kerana membuat kenyataan terbuka dan temuramah kepada media asing tanpa terlebih dahulu menggunakan saluran rayuan yang terdapat dalam Umno," katanya.

Pergerakan itu juga kesal kerana Anwar turut membabitkan pelajar dari institusi pengajian tinggi tempatan dalam isu kepemimpinan negara atas nama reformasi.

"Kami menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk cubaan ke arah apa yang kononnya di namakan reformasi khususnya jika hanya dibuat di luar kerangka kepartian Umno," katanya.

(END)